

10/08/2002

2 pengeluaran getah asli minat sertai ITRC

DUA negara anggota Persatuan Negara Pengeluar Getah Asli (ANRPC) berminat untuk menyertai Majlis Antarabangsa Kerjasama Getah Tiga Pihak (ITRC), yang dilancarkan dengan rasminya, kelmarin.

Dua negara itu, Sri Lanka dan Vietnam mahu bekerjasama dengan ITRC menetapkan kaedah pemasaran dan harga getah di kalangan pengeluar bagi memastikan pendapatan pekebun lebih terjamin.

Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik (gambar), berkata cadangan sudah dihantar kepada dua negara berkenaan untuk turut menyertai ITRC pada masa depan.

"Dua negara itu menunjukkan minat terhadapnya," katanya selepas merasmikan loji perintis poliol berasaskan minyak sawit dan pemasaran produk poliuretana (AOTC), di Bangi, semalam.

Malaysia, Thailand dan Indonesia kelmarin memeterai perjanjian menubuhkan ITRC, iaitu satu pakatan yang bertujuan membela nasib pekebun getah menerusi mekanisme sokongan harga.

Perjanjian itu dimeterai Dr Lim, Menteri Perdagangan dan Industri Indonesia, Rini Suwandi dan Menteri Koperasi dan Pertanian Thailand, Shucheep Hansabad.

Perjanjian yang ditandatangani di Bali, Indonesia itu disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad; Presiden Indonesia, Megawati Sukarnoputri dan Perdana Menteri Thailand, Thaksin Shinawatra.

Dr Lim berkata, ITRC bukan sebuah kartel untuk menaikkan harga getah asli sebaliknya ia akan berfungsi sebagai badan untuk menstabilkan harga komoditi berkenaan.

Katanya, menerusi ITRC, negara pengeluar utama getah di dunia akan bekerjasama dalam merasionalisasikan pengeluaran dan meningkatkan pemasaran serta harga.